




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

09 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 198 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 242,544 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 175 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 235,185 orang. Manakala 765 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 415 orang di hospital, 347 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 26 orang merangkumi 25 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 13 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 29 (29.29%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga empat (4) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Kes harian kekal dengan jumlah semalam, dengan 198 kes baharu berbanding 199 kes sebelumnya.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan penurunan 15 kes berbanding jumlah semalam tetapi kekal sebagai daerah yang merekodkan bilangan kes baharu tertinggi di Sabah dengan 45 kes. Ranau yang hanya merekodkan empat (4) kes kelmarin melonjak semula dengan 22 kes baharu, peningkatan 18 kes. Papar juga menambah 13 kes kepada 21 kes berbanding jumlah sebelumnya. Terdapat enam (6) daerah yang tidak merekodkan sebarang kes baharu sementara 15 lagi daerah mencatat kes baharu pada satu (1) angka sahaja.
- c. Seramai 195 daripada 198 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, tidak ada pesakit dalam Kategori 3 dan 5 dan seorang pesakit dalam Kategori 4. Kes yang melibatkan dua (2) pesakit lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- d. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (109) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 0 | 0.00% |
| 2 | Bergejala | 70 | 35.35% |
| 3 | Kontak | 109 | 55.05% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 19 | 9.59% |
| JUMLAH | | 198 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (8 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 8/01/2022 | Catatan Kes 9/01/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|-----------------------|-----------------------|--------------|
| 1 | Ranau | 4 | 22 | +18 |
| 2 | Papar | 8 | 21 | +13 |
| 3 | Tuaran | 19 | 23 | +4 |
| 4 | Penampang | 11 | 15 | +4 |
| 5 | Kota Belud | 15 | 17 | +2 |
| 6 | Sipitang | 5 | 7 | +2 |
| 7 | Tambunan | 3 | 5 | +2 |
| 8 | Pitas | 0 | 2 | +2 |
| 9 | Kuala Penyu | 4 | 5 | +1 |
| 10 | Kinabatangan | 1 | 1 | Mendatar |
| 11 | Kudat | 1 | 1 | Mendatar |
| 12 | Telupid | 0 | 0 | Mendatar |
| 13 | Kalabakan | 0 | 0 | Mendatar |
| 14 | Semporna | 0 | 0 | Mendatar |
| 15 | Kota Kinabalu | 60 | 45 | -15 |
| 16 | Keningau | 15 | 9 | -6 |
| 17 | Nabawan | 6 | 0 | -6 |
| 18 | Tawau | 5 | 1 | -4 |
| 19 | Beaufort | 9 | 6 | -3 |
| 20 | Beluran | 5 | 2 | -3 |
| 21 | Kota Marudu | 4 | 1 | -3 |
| 22 | Tongod | 3 | 0 | -3 |
| 23 | Kunak | 2 | 0 | -2 |
| 24 | Sandakan | 5 | 4 | -1 |
| 25 | Putatan | 3 | 2 | -1 |
| 26 | Lahad Datu | 3 | 2 | -1 |
| 27 | Tenom | 8 | 7 | -1 |
| JUMLAH | | 199 | 198 | -1 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 15 Hari (26 Disember – 8 Januari) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|---|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 28 | 13 | 0 | 4 | 45 | 501 |
| Tuaran | 0 | 10 | 7 | 0 | 6 | 23 | 353 |
| Ranau | 0 | 14 | 4 | 0 | 4 | 22 | 203 |
| Papar | 0 | 12 | 9 | 0 | 0 | 21 | 157 |
| Kota Belud | 0 | 10 | 7 | 0 | 0 | 17 | 265 |
| Penampang | 0 | 7 | 8 | 0 | 0 | 15 | 266 |
| Keningau | 0 | 4 | 4 | 0 | 1 | 9 | 144 |
| Tenom | 0 | 1 | 6 | 0 | 0 | 7 | 66 |
| Sipitang | 0 | 4 | 3 | 0 | 0 | 7 | 64 |
| Beaufort | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 6 | 126 |
| Kuala Penyu | 0 | 4 | 1 | 0 | 0 | 5 | 71 |
| Tambunan | 0 | 3 | 1 | 0 | 1 | 5 | 82 |
| Sandakan | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 4 | 56 |
| Beluran | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 | 34 |
| Lahad Datu | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 | 29 |
| Putatan | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 112 |
| Pitas | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 2 | 14 |
| Tawau | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 49 |
| Kota Marudu | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 96 |
| Kudat | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 30 |
| Kinabatangan | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 16 |
| Nabawan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 26 |
| Tongod | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 16 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Telupid | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 18 |
| Semporna | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 5 |
| JUMLAH | 0 | 109 | 70 | 0 | 19 | 198 | 2,811 |

6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,085 unit

- Hospital 1,238 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,657 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.73%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 09 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 197 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 1 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 0 |
| Jumlah | 198 |

| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | |
|------------------------------------|----------|
| Emiriah Arab Bersatu | 1 |
| Jumlah | 1 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|-----------------|------------|
| Malaysia | 195 |
| Bukan Malaysia | 3 |
| Jumlah | 198 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 27 |
| Belum Menerima Vaksin | 4 |
| Menerima 1 Dos | 0 |
| Lengkap 2 Dos | 149 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 18 |
| Jumlah | 198 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|------------|
| <1 | 0 |
| 1 to 5 | 7 |
| 6 to 11 | 20 |
| 12 to 17 | 11 |
| 18 to 25 | 20 |
| 26 to 59 | 108 |
| >60 | 32 |
| Jumlah | 198 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 8 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 7,014 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,914 orang adalah penduduk dewasa dan 100 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 8 Januari 2022 adalah seramai 2,450,701 orang. Ini meliputi 2,114,062 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.64% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,405,859 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,093,947 orang atau 75.91% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,639 orang atau 77.57% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,912 atau 71.87% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,920** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 13,537 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 198 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,615 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Dua (2) notis dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Tawau. Tiada kompaun dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 509 premis perniagaan dan 22,996 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 224 Premis Perniagaan melibatkan 83 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 15 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di satu (1) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 102 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.3 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Kota Marudu | 98.5% |
| 2 | Kunak | 98.5% |
| 3 | Kinabatangan | 98.5% |
| 4 | Semporna | 98.4% |
| 5 | Beluran | 98.4% |
| 6 | Tenom | 98.4% |
| 7 | Keningau | 98.4% |
| 8 | Beaufort | 98.3% |
| 9 | Kudat | 98.3% |
| 10 | Sipitang | 98.3% |
| 11 | Kota Belud | 98.3% |
| 12 | Tuaran | 98.3% |
| 13 | Ranau | 98.2% |
| 14 | Kota Kinabalu | 98.2% |
| 15 | Penampang | 98.1% |
| 16 | Tawau | 98.1% |
| 17 | Lahad Datu | 98.1% |
| 18 | Papar | 98.1% |
| 19 | Sandakan | 98% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II